

Y.B. Dr. Mahathir Mohamed,
Pengerusi FINA dan Pengerusi Malaysian
Can Company,

Y.B. Datuk Mohamed Rahmat,
Ahli-ahli Lembaga Pengarah FINA,
Ahli-ahli Lembaga Pengarah M.C.C.,
Pengurus dan Kakitangan Malaysian Can Company,
Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Saya ingin mengucapkan terimakasih
kepada FINA di atas peluang yang diberikan
kepada saya dan Datin untuk hadir bersama-
sama di Majlis ini dan seterusnya merasmikan
Pembukaan Syarikat Malaysian Can Berhad,
salah sebuah Anak Syarikat FINA. Upacara ini
lebih bermakna lagi kerana FINA adalah sebuah
Perbadanan Awam yang terletak di bawah
penyeliaan Kementerian saya.

...?/-

2. Oleh yang demikian, sebarang kemajuan yang dicapai oleh syarikat ini merupakan satu inspirasi ^{kepada semua} ~~kepada saya~~ terutama apabila syarikat itu mencapai kemajuan dan mendapat keuntungan. Dan perkembangan ini dapat saya jadikan alasan bahawa bukan semua projek Perbadanan Awam gagal, tetapi banyak yang telah menabur jasa, memberikan faedah kepada rakyat di negara ini.

3. Seperti yang telah dinyatakan tadi, FINA adalah salah sebuah badan yang telah dibentuk oleh Kerajaan dan mempunyai tujuan menjalankan perusahaan berasaskan bahan-bahan makanan supaya memberi peluang kepada petani dan pekebun kecil memproses dan menjual barang pengeluaran mereka. Disamping itu ialah untuk mengadakan peluang-peluang pekerjaan, terutama pada penduduk luar bandar.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Kepada rakyat biasa, bila menyebut FINA berertilah nenas. To them FINA is synonymous with pineapple. Anggapan seperti ini tidak salah kerana kegiatan FINA pada mulanya dulu ialah mengambilalih perusahaan nenas. Dan yang selalu diheboh-hebokkan juga ialah nenas kerana kilang nenas PCM di Johor selalu rugi. Tetapi kite syukur tahun lepas, PCM di bawah management baru, ia untung sedikit.

.....5/-

5. Sesungguhnya saya sukacita dan bangga kerana FIMA, dalam senyap-senyap, tanpa publisiti yang besar-besaran telah berjaya menubuhkan sekurang-kurangnya lapan anak Syarikat. Daripada perusahaan nanas, ia telah melangkah kepada beberapa perusahaan lain. Diantaranya ialah kilang Malaysian Can Company, cawangan Prai, yang kita saksikan, pada hari ini.

6. Sepertimana yang telah ditegaskan oleh Pengerusi FINA tadi, kilang ini ialah yang kedua didirikan dan telahpun berjalen lebih kurang setahun lamanya. Tidak syak lagi, ini membuktikan bahawa FINA telah sanggup menjalankan industri yang berkait dengan Perusahaan Makanan serta mempunyai pandangan jauh, kerana perusahaan membuat tin ini penting dalam perusahaan makanan di negara ini.

7. Dengan tertubuhnya kilang baru Malaysian Can cawangan kedua ini yang terletak di tapak perusahaan^{di} Utara Semenanjung Malaysia, berertilah FINA telah membuktikan kebolehannya menjalankan perusahaan yang bukan sahaja menampung keperluannya, tetapi juga keperluan perusahaan lain, di kawasan ini. Saya berharap kerjasama dari semua pihak terus diberikan kepada kilang FINA ini.

...7/-
yang kita saksikan pagi ini.

8. Seperti yang disebutkan oleh Dr. Mahathir tadi, sebuah Anak Syarikat FINA dalam iaitu Kotak Malaysia Berhad, telahpun dibangunkan di Melaka untuk membuat kotak-kotak untuk mengisi tin. Syarikat ini ialah usaha-sama dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan membuktikan usaha FINA dalam satu bidang perusahaan lain.

9. Oleh itu, wajarlah kalau saya mengatakan bahawa FINA patut dikenal dengan sifat baru, ditilai dari kejayaannya di bidang perusahaan lain, termasuk membuka Ladang Gajus, Ladang Buah-buahan FINA, Ayam FINA, dan Makanan Ternak FINA. Dalam hal ini, saya sukalah menyampaikan ucapan tahniah kepada FINA dan khasnya Malaysian Can Company kerana telah mengorak langkah dan mencapai kemajuan, seperti yang kita saksikan pagi ini.

10. Dalam pada itu, saya disaklumkan dalam rancangan meluaskan aktivitiinya, beberapa projek lagi sedang dirancang oleh FIMA. Di antaranya ialah, memproses kelapa sewit untuk dijadikan bahan makanan bagi diekspot, perusahaan memternak lembu, iaitu usahasama dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang, rancangan menanam sayur-sayuran hawa dingin, menanam buah-buahan dan juga koke.

Tuan-tuan sekalian,

11. Ditinjau dari perjalanan FINA dalam masa beberapa tahun ini, ternyata banyak hasil yang telah dicapai olehnya. Ini satu tanda baik, oleh kerana penyertaan Kerajaan di dalam projek FINA merupakan penyertaan equity. Setiap wang yang dilabor, bererti Kerajaan mempunyai penyertaan secara langsung di dalamnya. Sehingga ini, sebanyak \$13 juta telah dilaburkan di dalam perusahaan FINA. Di masa akan datang, bergantung kepada kemajuan dan jenis projek yang dijalankan oleh FINA, saya percaya Kerajaan tentulah akan menyertainya.

12. Kemajuan yang telah dicapai oleh FINA, secara ringkasnya, telahpun disebutkan oleh Dr. Mahathir sebentar tadi. Dari segi operasi Malaysian Can Company ini, kita tentulah boleh berbangga sedikit, oleh kerana ia ^{bukan saja} berusaha menampung keperluan FINA sendiri, tetapi juga mengadakan customer service secara moden kepada pelanggan-pelanggan lain. Saya yakin, dengan pengurusan yang cekap, pandangan yang imaginatif serta pengelolaan yang rapi, perusahaan M.C.C. ini boleh berkembang dengan lebih luas lagi.

...11/-

13. Temyatalah, selain dari kemampuan Syariket ini membekalkan tin yang berbagai jenis, ia juga telah membuktikan kebolehan anak Malaysia dalam bahagian teknik, menjalankan alat jentera yang sophisticated. Mutu pengeluaran bahan syariket ini adalah tinggi. Ini membuktikan taraf perusahaan kita, di mata dunia. Sebagai negara yang sedang berkembang ke arah bidang perusahaan, saya merasa bangga dengan kadar kejayaan yang telah dicapai. Tetapi usaha yang bersungguh-sungguh patutlah diteruskan bagi menambahkan kecakapan kita.

Tuan-tuan dan puan-puan,

14. Dalam usaha menambahkan penyertaan bumiputra di bidang industri, saya ingin mengingatkan satu keputusan yang telah diambil oleh Kerajaan. Perkara itu ialah mengenai dasar menghendaki badan-badan berkanun yang mempunyai projek perusahaan menyerahkan kepada usahawan atau kumpulan bumiputra.

15. Beberapa minggu yang lalu, kerajaan telahpun mengarahkan badan-badan berkanun, khasnya di bawah Kementerian Penyelarasan menyediakan program penyerahan projek secara tersusun dan menurut jadual tertentu.

16. Dalam hal ini, kerajaan seder banyak faktor yang perlu dipertimbangkan. Uapamanya penyerahan tersebut memerlukan satu saluran bagaimana penyerahan itu dapat dilaksanakan, menepati dasar kerajaan.

17. Adalah tetap menjadi tujuan Kerajaan, bahawa pada akhirnya semua projek badan-badan berkanun, samaditibawah Kementerian saya atau tidak termasuk di bawahnya, diserahkan apabila sahaja ada kumpulan bumiputra yang mampu mengambil alih, dari segi modal dan pengurusan.

18. Satu perkara lagi ialah mengenai pengumpulan modal bumiputra. Di bawah Dasar Ekonomi Baru, bumiputra diharapkan akan menguasai 30% daripada penanaman modal di negara ini pada tahun 1990. Pada masa ini, modal bumiputra telah kira-kira 2 peratus sahaja dalam sektor industri. Oleh yang demikian, usaha yang tersusun perlulah kita fikirkan untuk menampung modal bumiputra ini.

...15/-

19. Kerajaan ingin mendapat fikiran dan syur daripada semua pihak untuk menentukan cara yang sesuai, bagi menjayakan tujuan ini. Kita memerlukan jumlah modal yang banyak sedangkan tempoh waktu untuk berusaha sangat terbatas. Kita perlu mengeser masa.

Tuan-tuan sekalian,

20. Mengambil peluang ini, saya ingin menyentuh tentang harapan kita atas orang-orang yang telah diamanahkan oleh Kerajaan atau badan awam mengendalikan perusahaannya. Amatlah mustahak segala urusan ditadbirkan dengan penuh jujur. Istimewa sekali dalam keadaan/kita perlu/ ^{negara sekarang} menjimatkan belanja dan menggunakan tenaga pekerja sepenuhnya.

Kerajaan tidak suka melihat perbelanjaan yang membevir tetapi sebaliknya ingin mencapai peringkat kecukapan yang tinggi.

21. Demikian juga, saya ingin menyebut tentang harapan kita mengenai peranan dan tugas tokoh bumiputra yang dilantik sebagai anggota Pengarah dalam industri. Kerajaan tahu ada Pengarah-pengarah yang aktif, tetapi ada juga yang kurang cergas. Apa yang di harapkan, selain dari menghadiri Mesyuarat Lembaga Pengarah, yang pentingnya menyaksikan pelaksanaan dasar kerajaan dalam industri tersebut. Perkara pokok ialah pengambilan pekerja untuk mencerminkan corak masyarakat di negara ini supaya ramai anak bumiputra bekerja. Di samping itu, industri tersebut

patutlah mengadakan peluang bagaimana perniagaan bumiputra dapat faedah darinya seperti pengedar, jadi wakil dan sebagainya.

21. Desktan juga perkara menaberkkan peluang latihan kepada anak bumiputra dalam bidang pengurusan dan teknik. Khidmat seperti ini, adalah sebaik-baik jasa bagi menentukan kedudukan bumiputra di masa depan. Pendeknya, sebarang usaha bagi memperkukuhkan asas kemajuan bumiputra di bidang industri ini merupakan usaha yang sangat terpuji. Sebaliknya, sikap tidak mahu mengambil berat, pasti tidak akan menguntungkan perkembangan industri seluruhnya. Masyarakat kita akan rugi disebabkan oleh sikap negatif seperti ini.

22. Dengan kerjasama dan peranan aktif inilah, saya yakin, kita akan maju, dapat berkembang, supaya kita mempunyai tenaga pekerja, menambah penyertaan dalam industri dan dapat membantu kerajaan melaksanakan dasarnya.

Tuan-tuan sekalian,

23. Berbalik kepada FIMA dan aktivitiinya, saya suka menarik perhatian sedikit tentang kegiatan yang telah dijalankan bagi menyeleraskan usaha FIMA. Baru-baru ini satu Jawatankuasa antara Kementerian, telah dibentuk di bawah Kementerian Perusahaan Utama bagi menjamin perkembangan perusahaan nenas. Saya amat sukacita melihat usaha konstruktif ini dapat dijalankan, oleh kerana

perusahaan nenas ini di masa lepas, dan pasti juga di masa depan, boleh menjadi satu perusahaan yang mendatangkan banyak Foreign Exchange, kepada negara kita. Tahun lepas, perusahaan nenas menghasilkan hampir-hampir \$65 juta, Foreign Exchange.

24. Perusahaan nenas ini juga melibatkan nasib beribu-ribu orang pekebun kecil, khasnya di negeri Johor. Tahun lepas, jualan nenas pekebun-pekebun kecil berjumlah \$6½ juta. Akhir-akhir ini, hasil nenas yang dikeluarkan oleh pekebun kecil iaitu daripada 150 ribu tan, tahun 1967 turun menjadi 132 ribu tan tahun lepas. Kualiti buah nenas juga telah merosot, mungkin oleh kerana tanah kurang subur atau ketiadaan baja dan sebagainya. Saya yakin, jawatankuasa ini akan memberikan perhatiannya kepada semua faktor yang boleh membangunkan perusahaan nenas ini.

25. Perkembangan seperti inilah patut menjadi cabaran kepada kita, supaya perusahaan nenas tetap menjadi salah satu sumber perusahaan negara, yang terbesar. Setelah kita mengatasi faktor-faktor ini, saya yakin perusahaan nenas dapat berkembang oleh sebab kita mempunyai kebolehan untuk membanyakkan penghasilan bahan eksport, di negara kita.


26. Akhir kata, marilah kita berikhtiar untuk menentukan setiap usaha kita berjaya. Kepada FIMA, saya mengharapkan supaya tetap berpandu kepada arahan yang diberikan kepadanya untuk membanyakkan industri bahan makanan. Kepada anak Syarikatnya, M.C.C., saya harap akan sentiasa berjelan atas dasar-dasar yang telah ditetapkan. Saya menyeru supaya ia terus memberi khidmat khasnya kepada syarikat pengetin bumiputra yang baru naik. Khidmat inilah yang perlu diperluas dan Kerajaan tetap memberi penghargaan sewajarnya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

27. Dengan harapan dan doa inilah, saya dengan sukacitanya merasmikan Kilang Malaysian Can Company dan semoga ia terus bergerak maju.

Terimakasih.

00000000





No Siri 154
No Penerimaan 16 / 79